



Fatwa Pilihan

ORANG BUKAN ISLAM MEMASUKI MASJID

Fatwa siri : 40/2001

Soalan:

Apakah hukumnya orang-orang yang bukan beragama Islam memasuki masjid? Jika mereka dibolehkan, apakah tatacara dan adab-adab bagi membolehkan mereka masuk ke dalam masjid untuk tujuan melawat dan menyaksikan kawasan dalam masjid.

Sejauh ini belum ada peraturan yang lengkap, khususnya bagi Masjid Omar Ali Saifuddien ini untuk diikuti oleh para pelawat yang bukan beragama Islam. Pihak kaola hanya memberi atau menyediakan jubah hitam sahaja bagi para pelawat yang berpakaian kurang sopan. Namun had batasan yang boleh dilawati dan tidak boleh dilawati belum lagi pihak kaola fahami. Perkara ini ditanyakan bagi membolehkan pihak kaola membuat peraturan yang rapi untuk para pelawat yang datang berkunjung ke masjid, demi menjaga nama baik masjid dan kesucian agama Islam.

Jawapan:

مَدُّ الْحِلْمِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ مُعَلَّمَةٌ وَعَدَلِي آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَبَعْدُ

Ulama asy-Syafi'iyah telah membahaskan mengenai dengan hukum orang bukan Islam masuk ke masjid dengan memerhatikan kepada dua keadaan iaitu masjid yang dimasuki itu sama ada Masjidil Haram atau

masjid selainnya.

Hukum Masuk Masjidil Haram Bagi Orang Kafir

Di dalam mazhab asy-Syafi'e orang kafir haram dan ditegah sama sekali daripada masuk Masjidil Haram. Larangan ini jelas sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِنَّمَا الْمُشْرِكُوْنَ نَجَسٌ فَلَا يَفْرَبُوْا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ بَعْدَ
عَامِهِمْ هٰذَا

(سورة التوبة : ٢٨)

Tafsirnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya (kepercayaan) orang-orang kafir musyrik itu najis, oleh itu janganlah mereka itu menghampiri Masjidil Haram sesudah tahun ini.*

(Surah at-Taubah: 28)

Imam asy-Syafi'e *Rahimahullah* berpendapat bahawa ayat di atas adalah umum bagi keseluruhan orang kafir dan khusus bagi Masjidil Haram. Demikian yang dijelaskan oleh al-Qurtubiy di dalam kitabnya al-Jâmi' li Ahkâm al-Qur'ân 8/105.

Pengarang kitab at-Tafsîr al-Munîr pula menjelaskan bahawa menurut mazhab asy-Syafi'e yang dimaksudkan dengan Masjidil Haram di atas itu ialah tanah haram Makkah seluruhnya. Oleh itu orang-orang bukan Islam dilarang memasuki seluruh kawasan haram Makkah termasuklah masjid-masjid dan tempat-tempat selainnya yang ada di dalam tanah haram. (At-Tafsîr al-Munîr 9/168)

Demikian kedudukan hukum bagi orang bukan Islam di mana mereka itu ditegah sama sekali daripada memasuki Masjidil Haram khususnya

dan seluruh tanah haram umumnya.

Hukum Masuk Masjid Selain Masjidil Haram

Di dalam kitab I'lâm as-Sâjid bi Ahkâm al-Masâjid karangan Muhammad Abdullah az-Zarkasyi ada dibahaskan tentang hukum orang musyrik masuk ke masjid selain Masjidil Haram.

Menurut kitab tersebut orang kafir dibolehkan masuk ke masjid dan diam di dalamnya, sekalipun dia di dalam keadaan *berjunub*. Ini berdasarkan hadis Baginda *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang menjelaskan bahawa pada zaman Baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* orang-orang kafir masuk ke dalam masjid Baginda yang mana tidak diragukan lagi bahawa mereka itu dalam keadaan *berjunub*. (I'lâm as-Sâjid bi Ahkâm al-Masâjid: 318)

'*Illah* ataupun sebab keharusan ini kerana mereka beri'*tiqâd* bahawa tidak haram hukumnya ke atas mereka masuk masjid dalam keadaan berhadas besar. Berlainan pula halnya dengan orang Islam, mereka ditegah masuk atau berada di masjid dalam keadaan berhadas besar atau *berjunub* sebagaimana menurut ketentuan hukum syara' terhadap mereka.

Adapun keharusan orang kafir masuk ke masjid selain Masjidil Haram berdasarkan hadis Baginda yang di antaranya sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Hurairah, katanya:

جَاءَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خِيْلًا فِي نَجْدٍ، فَبَاءَ
 مَعَهُ مِنْ أُمَّةٍ مِنْ أُمَّةٍ، فَبَاءَ
 تَوْبَعًا مِنْ بَدَايَا حِينَئِذٍ
 وَمِنْهُ نَابِقٌ مِنْ سَوَارٍ فِي الْمَسْجِدِ

(رواه البخاري)

Maksudnya: *Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam telah mengutus satu pasukan berkuda ke Najd. Kemudian mereka datang kembali dengan membawa seorang lelaki daripada Bani Hanifah bernama Tsumawah bin Utsal lalu mereka mengikatnya pada salah satu tiang masjid.*

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Menurut Ibnu Hajar dalam kitabnya *Fatḥ al-Bâri Syarḥ Shaḥiḥ al-Bukhari* berkata tentang masalah ini:

“Dan di dalam masalah masuknya orang musyrik ke dalam masjid ada beberapa pendapat menurut mazhab-mazhab: Menurut riwayat daripada mazhab Hanafi, adalah harus secara mutlak. Pendapat mazhab Maliki dan al-Muzani ianya ditegah secara mutlak. Mazhab Syafi‘e pula menjelaskan di antara Masjidil Haram dan selainnya berpandukan ayat al-Qur’an (Ayat 28, surah at-Taubah). Ada juga pendapat yang mengizinkan tetapi khusus bagi Ahli Kitab, tetapi hadis bab ini menolak pendapat tersebut dengan alasan Tsumawah bukannya daripada kalangan Ahli Kitab.” (*Fatḥ al-Bâri* 2/136)

Manakala pendapat Imam ar-Rafi‘e dan Imam an-Nawawi *Rahimahumallah* pula secara mutlak membolehkan orang kafir memasuki masjid selain daripada Masjidil Haram tetapi dengan mendapat keizinan orang Islam. Jika sekiranya tidak mendapat keizinan maka menurut pendapat *as-shaḥiḥ* dia tidak dibolehkan memasukinya. (*l‘lâm as-Sâjid bi Ahkâm al-Masâjid*: 319-320)

Sementara itu, orang Islam yang memberi kebenaran kepada mereka untuk masuk itu hendaklah seorang yang baligh dan berakal. (*Fatḥ al-‘Allâm* 1/374)

Berkata al-Khatib asy-Syarbini tentang hukum masuk masjid bagi orang

kafir ini:

“Adapun dia (orang kafir) dibolehkan untuk diam di dalam masjid menurut pendapat al-ashah di dalam kitab ar-Raudhah dan asalnya kerana dia tidak beri‘tiqâd akan haramnya itu. Ya, perempuan (kafir) yang dalam keadaan haidh dan nifas jika takut akan mencemarkan (masjid) maka hukumnya adalah seperti perempuan Muslimah. Dan tidak boleh bagi orang kafir walaupun bukan dalam keadaan berjunub memasuki masjid kecuali ada hajat seperti kerana (perkara atau urusan yang berkaitan dengan agama) Islam dan mendengar al-Qur’an, bukannya untuk tujuan makan atau minum umpamanya walaupun telah diizinkan oleh orang Islam untuknya masuk kecuali jika ada sesuatu kes perbicaraan, dan hakim telah duduk di masjid itu untuk membicarakan kes itu”. (Mughni al-Muhtâj 1/71)

Menurut *al-qaul al-mu‘tamad* kedua-dua syarat iaitu keizinan dan hajat atau keperluan itu merupakan syarat atas harusnya orang kafir masuk ke masjid. (Bujairimi ‘ala al-Khathîb 1/368).

Asy-Syeikh al-Qalyubiy berpendapat, katanya:

وَيُؤْتَى مِنَ الدُّخَانِ حَوْلَ الْمَسْجِدِ لِأَنَّ الْبَيْتَ الْمَسْجِدَ، وَأَمَّا لَأَنَّ الْبَيْتَ الْمَسْجِدَ، وَأَمَّا لَأَنَّ الْبَيْتَ الْمَسْجِدَ، وَأَمَّا لَأَنَّ الْبَيْتَ الْمَسْجِدَ،
 لَمَّا ، وَأَمَّا لَأَنَّ الْبَيْتَ الْمَسْجِدَ، وَأَمَّا لَأَنَّ الْبَيْتَ الْمَسْجِدَ، وَأَمَّا لَأَنَّ الْبَيْتَ الْمَسْجِدَ، وَأَمَّا لَأَنَّ الْبَيْتَ الْمَسْجِدَ،
 لَمَّا ، وَأَمَّا لَأَنَّ الْبَيْتَ الْمَسْجِدَ، وَأَمَّا لَأَنَّ الْبَيْتَ الْمَسْجِدَ، وَأَمَّا لَأَنَّ الْبَيْتَ الْمَسْجِدَ، وَأَمَّا لَأَنَّ الْبَيْتَ الْمَسْجِدَ،

Ertinya: Dan dilarang orang kafir daripada masuk (masjid selain daripada Masjidil Haram) kecuali dengan izin orang Islam yang baligh ataupun kerana meminta fatwa daripada ulama atau kerana ada kemaslahatannya kepada kita. Salah satu perkara-perkara itu adalah memadai sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Ibnu Abdil Haq, syarah Syeikh kami tidak bertentangan dengannya bagi siapa yang

mengamat-amatinya. Adapun jika dia masuk tanpa sebarang perkara (yang mengharuskannya masuk), maka dia dihukum ta'zîr. Begitu juga halnya hukum bagi kita masuk ke tempat-tempat ibadat mereka. (Hâsyiatân Qalyubi wa 'Umairah 1/73-74)

Daripada penjelasan para ulama Syafi'iyah di atas jelas bahawa orang kafir adalah dibolehkan masuk ke dalam masjid, selain daripada Masjidil Haram apabila telah memenuhi syarat-syarat yang telah dijelaskan.

Untuk ini, pihak masjid memang perlu membuat peraturan sesuai dengan kehormatan dan kesucian masjid, umpamanya dimestikan memakai pakaian yang sopan atau menutup aurat, tidak meninggikan suara atau membuat bising, serta menentukan masa-masa yang sesuai dan lain-lain peraturan yang munasabah.

وَهُوَ الْأَعْلَمُ بِالصَّوَابِ